

Ekonomi pelbagai, tumpuan kepada belia, BN yakin tawan Pulau Pinang
Malaysian Insider
30 Januari, 2013
Oleh Jahabar Sadiq

GEORGE TOWN, 30 Jan — Kefahaman konvensional adalah Pakatan Rakyat (PR) akan mempertahankan Pulau Pinang pada Pilihan Raya 2013, tetapi Teng Chang Yeow bukanlah seorang lelaki yang konvensional. Beliau berhasrat untuk mengembalikan hab pembuatan utama dan pelancongan kepada Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum tahun ini.

Ketua BN Pulau Pinang dan rakan-rakannya mensasarkan untuk menukar ekonomi negeri dengan mempelbagaikan ekonomi untuk merangsang kedua-dua pembuatan bertaraf tinggi dan perkhidmatan terutamanya pelancongan, kewangan dan jaringan pengangkutan, dengan mengatakan beliau boleh melakukan lebih baik daripada kerajaan semasa yang diketuai oleh Lim Guan Eng.

Teng juga memfokuskan kepada keperluan belia di Pulau Pinang, yang membentuk demografi penting dalam pilihan raya umum akan datang. Kira-kira 25 peratus dari 13.3 juta pengundi di seluruh negara adalah pengundi kali pertama, terutamanya belia.

"Kami mahu menawarkan diri kami kepada orang Pulau Pinang dan berkata lihat, kami sudah bersedia untuk memimpin Pulau Pinang sekali lagi," kata Teng, yang dilantik untuk memimpin BN Pulau Pinang tahun lalu, tiga tahun selepas gabungan tersebut kehilangan negeri kepada PR dalam Pilihan Raya 2008.

Dalam kekalahan mengejut, BN hanya menang 11 daripada 40 kerusi dewan undangan negeri (Dun) di Pulau Pinang melalui Umno sementara parti komponen lain — Gerakan, MCA dan MIC — kehilangan kerusi mereka.

Kebanyakan pengundi kelihatan bersedia untuk memastikan kerajaan PR terus memerintah pulau tersebut, terkenal dengan sawit pinang dan pokok buah pala yang melapisi jalan-jalan dan kilang-kilang — menggajikan majoriti rakyat sejak tahun 1970-an.

Tetapi Teng optimistik tentang peluang gabungan pemerintah, mengatakan semangat kini lebih tinggi menjelang Pilihan Raya 2013 dengan parti komponen BN bersatu di bawahnya untuk menang pilihan raya.

"Kita perlu masuk ke dalam pertempuran untuk menang, bagaimana untuk menang adalah perkara strategi, ya, sentimen tidak bersama kita tetapi kita perlu melihat bagaimana untuk mengembalikan sentimen sekitar," kata beliau kepada *The Malaysian Insider* dalam satu temu bual hujung minggu lepas.

Setiausaha agung Gerakan yang suka berterus terang itu adalah berbeza dengan imej lemah lembut presiden parti, Tan Sri Koh Tsu Koon, yang merupakan Ketua Menteri Pulau Pinang dari 1990-2008.

Pemerhati politik mengatakan Koh, yang kini seorang senator dan menteri Kabinet, muncul untuk menjadi jinak dan sentiasa dibuli oleh sekutu Gerakan dalam BN, iaitu Umno dan MCA, semasa pentadbiran beliau.

"Situasi berbeza memerlukan kepimpinan yang berbeza. Gaya kepimpinan saya sesuai dengan persekitaran semasa kini. Senario apabila Koh Tsu Koon berada di sana adalah berbeza," katanya.

Berikrar untuk menjadi berbeza, Teng (**gambar**) mengatakan beliau telah memberitahu rakan Umno bahawa parti Melayu dominan itu memerlukan Gerakan dan sekutu lain untuk menubuhkan kerajaan negeri dan bukan sebaliknya.

"Mengapa minoriti harus tunduk kepada majoriti pada setiap masa. Kamu yang majoriti seharusnya bimbang dengan minoriti kerana kami boleh beralih bila-bila masa. Kita adalah penentu... kita harus tahu bagaimana untuk menggunakan hak minoriti. Ini tidak pernah ditunjukkan sebelum ini," katanya.

"Jika saya beralih, kamu tak akan dapat majoriti," tambahnya, menyatakan bahawa Umno Pulau Pinang telah bekerjasama dengannya dan meminta dirinya untuk mempengerusikan beberapa mesyuarat kempen mereka di negeri itu.

"Secara keseluruhannya, Umno Pulau Pinang telah belajar dengan jalan yang pedih. Mereka sedar mereka tidak boleh berkelakuan seperti dahulu. Jika kamu berkelakuan seperti masa lalu, orang Melayu akan turut membuang kamu, bukan sahaja orang bukan Melayu.

"Apabila kita berkuasa, kita benarkan semua ini menyebabkan kita kehilangan sokongan. Setiap kali kita gagal mengendalikannya dengan baik, kita tidak mengatakan dengan lantang kerana takut menyinggung perasaan parti lain, itu yang salah," kata Teng.

Walaupun tidak mahu memberitahu strategi gabungan tersebut, Teng berkata BN akan meletakkan lebih ramai muka baru pada Pilihan Raya 2013 dan memberi penekanan kepada ekonomi terutamanya berhubung dengan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Beliau mengatakan kelebihan Pulau Pinang termasuk pembangunan kewangan dan perkhidmatan logistik yang akan menjadi manfaat daripada perdagangan dengan jiran-jiran mereka daripada hanya memberi tumpuan kepada ekonomi negeri.

"Saya tidak akan dedahkan visi yang telah ditetapkan... Saya mahu masuk dalam pertempuran dan menang," kata Teng.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mengetengahkan-ekonomi-pelbagai-belia-ketua-bn-yakin-tawan-semula-pulau-pinang/>